



# Pustaka

BULETIN PNM

BIL. 1/2020  
JAN - APR 2020  
ISSN : 0128-8679



## ASEAN-ROK IS READING

CABARAN APRON KUNING 100 HARI



BILANGAN 1 TAHUN 2020 · JAN-APR 2020

# PUSTAKA BULETIN

Perpustakaan Negara Malaysia

قروستاكاهن نكارا مليسيا  
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA  
NATIONAL LIBRARY OF MALAYSIA

“

**Anak pendekar bermain api,  
Jerami terbakar dibalingnya batu,  
Usah gentar onak dan duri,  
Demi PNM kita bersatu.**

**Pandang kiri, pandang kanan,  
Lagi bersuluh, jelas rupanya,  
Jangan malu, jangan segan,  
Dua puluh dua puluh! Kita punya,**

-YBrs. Maizan Ismail

”



© Perpustakaan Negara Malaysia, 2020

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian, artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan apa juga sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia, 232 Jalan Tun Razak, 50572 Kuala Lumpur, Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data-Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Buletin Pustaka / Perpustakaan Negara Malaysia, -1985 -.

-Kuala Lumpur : Perpustakaan Negara Malaysia, 1985 - .

Tahunan

ISSN 0128-8679

1.Libraries, National --Malaysia. 2.Corporation reports.

## Sidang Redaksi Pustaka PNM 2020

### PENAUNG

YBrs. Puan Maizan Ismail

### KETUA EDITOR

Fadhillah Aini Md Yusof

### EDITOR

Charles Brilee

### KOORDINATOR PENERBITAN

Siti Zubaidah Ahmad

### EDITOR DALAM TALIAN

Kalaiselvi a/p Chirupalan  
Ezelda Syereen Abd. Aris

### PENYUMBANG ARTIKEL

Nurul Athika Ahmad Amimar

### FOTOGRAFI

Muhamad Khairi Jaafar  
Noor Hidayah Muhammad

### PENGEDARAN

Bahagian Komunikasi Korporat

### SUSUN ATUR / KONSEP

Nur Amirah Anuar



# Kandungan

- 03** Program Read Me a Book ASEAN-ROK is Reading
- 08** Perhimpunan Bulanan Bil. 1 Tahun 2020
- 11** Ambang2020@Kuala Lumpur
- 13** Program Read Me a Book ASEAN-ROK is Reading
- 15** Majlis Penyampaian Sumbangan Akaun SSPN-I & Perasmian Pusat Sumber Polis KL



- 17** MRTM Tahun Baharu Cina 2020
- 18** KUNJUNGAN HORMAT: PROFESSOR EMERITUS DATUK DR. ZAINAL KLING
- 19** LIBRARY ATTACK
- 20** GALERI DATA DAN PENGALAMAN U-PUSTAKA
- 21** PESTA BUKU DAN KARNIVAL PEMBACA PERLIS 2020
- 24** PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN : INISIATIF PNM

## Kalam Ketua Editor

Salam Sejahtera dan Salam Negaraku Malaysia,

Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izinNya dapat kita bersua kembali dalam Pustaka Buletin PNM Bil. 1/2020. Terlebih dahulu, syabas dan tahniah diucapkan kepada kumpulan Sidang Redaksi dan semua yang telah terlibat dalam menyumbangkan idea dalam penulisan keluaran kali ini.

Perpustakaan Negara Malaysia kembali rancang mengatur dan merealisasikan program-program yang telah dirancang meskipun negara dilanda wabak pandemik COVID-19 dengan pendekatan secara dalam talian ketika Perintah Kawalan Pergerakan.

Keluaran kali ini memuatkan berita dan laporan-laporan program PNM iaitu ASEAN-ROK is reading, Jom Baca Bersama 10 Minit, Perhimpunan Bulanan PNM, Pesta Buku, Majlis Rumah Terbuka Malaysia dan Library Attack.

Oleh yang demikian, marilah kita bersama-sama mengembeleng usaha agar matlamat PNM dapat direalisasikan dengan jayanya. Semoga PNM terus cemerlang.

Charles Brilee,  
Ketua Editor





# PROGRAM

# READ ME A BOOK ASEAN-ROK IS READING

All together Reading Campaign



## #YELLOW APRON HASHTAG CHALLENGE

#readmeabook\_yellowapron  
#aseanrokisreading\_malaysia  
#yellowapron\_hashtagchallenge  
#perpustakaannegaramalaysia

## CABARAN APRON KUNING 100 HARI

15 JANUARI 2020 -  
23 APRIL 2020

**Kuala Lumpur** – Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) telah menyahut cabaran Apron Kuning 100 hari “Read Me a Book” kepada kanak-kanak di peringkat negara-negara ASEAN bermula pada 15 Januari 2020 sehingga 23 April 2020. Kemuncak program pada 23 April 2020 bersempena dengan sambutan Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia.

Timbalan Ketua Pengarah PNM, YBrs. Puan Siti Aishah Sh. Ab.Kadir telah melancarkan Kickoff “Read Me a Book: ASEAN-ROK is Reading” pada 15 Januari lalu bertempat di Perpustakaan Kanak-kanak, Perpustakaan Negara Malaysia.



# PROGRAM GALAKAN MEMBACA

'Read aloud' atau 'storytelling' kepada kanak-kanak

Read Me a Book: ASEAN-ROK is Reading merupakan program yang menggunakan mekanisme "read aloud" atau "storytelling" kepada kanak-kanak dan pencerita perlu memakai apron kuning serta memuat naik gambar di media sosial. Tujuan cabaran kempen membaca ini diadakan ialah untuk menggalakkan budaya membaca dalam kalangan negara-negara ASEAN dan Republik Korea.

Program galakan membaca yang diterajui oleh National Library for Children and Young Adults (NLCY), Republik Korea melibatkan kerjasama 9 buah Perpustakaan Negara ASEAN iaitu Malaysia, Filipina, Indonesia, Kemboja, Laos, Myanmar, Singapura, Thailand dan Vietnam.

Negara yang paling banyak memuat naik gambar atau video pelaksanaan sesi membaca kuat atau bercerita ini akan dipilih sebagai pemenang. Jom sama-sama laksanakan sesi membaca kuat atau bercerita. Boleh dilakukan di institusi mahupun secara individu.



## Syarat Pelaksanaan Program :

1. Pencerita perlu memakai apron kuning yang dibekalkan oleh National Library for Children's & Young Adults, Korea melalui Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) sahaja apabila menjalankan sesi 'Read Aloud' atau sesi Bercerita.

2. Mengambil gambar atau klip video pencerita/sukarelawan yang menjalankan aktiviti 'read aloud'/'story telling'.

3. Muat naik gambar atau klip video di Instagram. Tag Instagram rasmi PNM (pnm\_rasmi)

4. Tag gambar atau video menggunakan semua 4 tanda pagar (#) wajib iaitu :


#readmeabook\_yellowapron  
#aseanrokisreading\_malaysia  
#yellowapron\_hashtagchallenge  
#perpustakaannegaramalaysia







# AGIHAN APRON KUNING DI SELURUH NEGARA



PROGRAM

## READ ME A BOOK : ASEAN-ROK IS READING

15 JANUARI HINGGA 23 APRIL 2020

#readmeabook\_yellowapron  
#aseanrokisreading\_malaysia

#yelowapron\_hashtagchallenge  
#perustakaannegara\_malaysia



Ingin sertai kami ? Jom kunjungi Perpustakaan Desa seluruh negara sekarang !

Perpustakaan Desa Taman Cempaka  
Perpustakaan Desa Kampung Sungai Taka  
Perpustakaan Desa Kampung Tradisi  
Perpustakaan Desa Kampung Raja/Atas  
Perpustakaan Desa Bandar Perdana

Perpustakaan Desa Pajak Song  
Perpustakaan Desa Taman Seri Damai  
Perpustakaan Desa Kampung Lubok Meriam  
Perpustakaan Desa Kampung Selamat

Perpustakaan Desa Kampung Kuak Luar  
MyLIKE Kampung Ulu Kuang  
Perpustakaan Desa Taph Road  
Perpustakaan Desa Kampung Kota Lama Kanan

Perpustakaan Desa Taman Setia Jaya  
Perpustakaan Desa Kampung Bukit Kerayong 1  
Perpustakaan Desa Kampung Sungai Kelambu  
Laman Ilmu Komuniti (MyLIKE) Kampung Sungai Kembong Hilir

Perpustakaan Desa Kampung Kuala Serdang  
Perpustakaan Desa Pasoh 4  
Perpustakaan Desa Taman Pinggiran Senawang  
Perpustakaan Desa Pasir Panjang  
Perpustakaan Desa Taman Intan Perdana  
Perpustakaan Desa Taman Indah, Tampin  
Perpustakaan Desa Kampung Baru Pantai

Perpustakaan Desa Kampung Bukit Nangka  
Perpustakaan Desa Kampung Chabau  
Perpustakaan Desa Kampung Pengkalan Samak  
Perpustakaan Desa Taman Mas Merah  
Perpustakaan Desa Taman Seri Duyong

Perpustakaan Desa Kaki Bukit  
MyLIKE Kampung Bongkok  
Perpustakaan Desa Kampung Teluk Jambu  
Perpustakaan Desa Masjid Kampung Simpang Sanglang

Perpustakaan Desa Kampung Cherang Ruku  
Perpustakaan Desa Tanah Merah  
Perpustakaan Desa Kampung Bunohan  
Perpustakaan Desa Kampung Permatang Piah  
Perpustakaan Desa Kampung But

Perpustakaan Desa Kampung Padang Polis, Batu Rakit  
Perpustakaan Desa Kampung Keruak  
Perpustakaan Desa Kampung Wakaf Tembesu  
Perpustakaan Desa Kampung Iboik  
Perpustakaan Desa Kampung Balai Besar

Perpustakaan Desa (PAKR) Indera Mahkota  
Perpustakaan Desa Kampung Kuala Medang  
Perpustakaan Desa Pekan Awah  
Perpustakaan Desa Kampung Dato' Sri Hamzah

Perpustakaan Desa Kampung Mohimbayan  
Perpustakaan Desa Kampung Tembuluk Buansa  
Perpustakaan Desa Kampung Unggun  
Perpustakaan Desa Kampung Pasir Putih

Perpustakaan Desa Taman Duranda Emas  
Perpustakaan Desa Taman D'Everglades  
Perpustakaan Desa Kampung Tengah Pusa  
Perpustakaan Desa Kpg Hulu Maludam

Perpustakaan Desa Saleng  
Perpustakaan Desa Kampung Sepinang  
Perpustakaan Desa Sungai Balang  
Perpustakaan Desa Sri Menanti  
Perpustakaan Desa Kampung Tanjung Agas

[www.pnm.gov.my](http://www.pnm.gov.my)

Perpustakaan Negara Malaysia

@pnm\_rasmi

PNM\_Rasmi

@pnm\_rasmi



Kickoff "Read Me a Book: ASEAN-ROK is Reading" oleh Timbalan Ketua Pengarah PNM, YBrs. Puan Siti Aishah Sh. Ab.Kadir serta barisan pengurusan PNM bersama kanak-kanak tabika mengibarkan jalur gemilang.



## SLOGAN

ASEAN-ROK is Reading & logo yellow apron

## SASARAN


Golongan kanak-kanak di seluruh Malaysia

## #CABARAN APRON KUNING

Perpustakaan / pelaksana berkongsi gambar yang di muatnaik di Instagram bagi aktiviti "read aloud" yang dikendalikan pencerita sambil memakai apron kuning.

## PERTANDINGAN NEGARA ASEAN

Pertandingan dalam kalangan negara-negara ASEAN melalui Perpustakaan Negara masing-masing dan boleh dijalankan dimana-mana sahaja.







# INTERIM REPORT ON THE NUMBER OF POST OF MARCH THE YELLOW APRON HASHTAG CHALLENGE

Counting period: Jan 15 - Mar 31, 2020

#readmeabook\_yellowapron #aseanrokisreading\_malaysia  
#yellowapron\_hashtagchallenge #perpustakaanmelaya

**Total Sum of Post | 31,708**  
\* Counting rule: the number of posts using #yellowapron\_hashtagchallenge

**Number of Post by Nation**  
\* Counting rule: the number of posts using #aseanrokisreading (nation)

Cambodia	23	
Indonesia	3,933	
Korea, Republic of	117	
Laos	94	
Malaysia	12,194	1st
Myanmar	470	
Philippines	10,010	2nd
Singapore	3,127	
Thailand	2,394	
Vietnam	23	

Source : National Library for Children and Young Adults (NLCA)



www.pnm.gov.my



PerpustakaanNegaraMalaysia



PNM\_Rasmi



pnm\_rasmi




pnmmytube



PNMrasmi



pnmsaluran sosial



PERPUSTAKAAN  
NEGARA MALAYSIA





# PERHIMPUNAN BULANAN PNM

Bilangan 1 Tahun 2020

## PERUTUSAN TAHUN BARU 2020

Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia, YBrs. Puan Maizan Ismail mengucapkan Selamat Tahun Baru 2020 kepada semua warga PNM, semoga Tahun Baru 2020 ini pastinya akan diiringi dengan iltizam dan semangat baharu oleh seluruh warga Perpustakaan Negara Malaysia untuk terus melaksanakan amanah dan tanggungjawab bagi menjayakan perancangan kerja tahun 2020 dengan lancar dan berkesan.

Tempoh 12 bulan yang lalu, PNM telah melalui pelbagai perubahan dan pengalaman yang telah membawa kita kepada tahap yang lebih matang dalam menghadapi pelbagai aspek yang penuh dengan kompleksiti ini. Kejayaan demi kejayaan pada tahun 2019 telah berjaya meletakkan PNM ke tahap yang tersendiri.

### TAHUN MELAWAT MALAYSIA

Bersempena Tahun Melawat Malaysia 2020 (VM 2020) PNM juga menyahut seruan MOTAC dengan menyusun perancangan dan pelaksanaan dalam pelbagai program dan aktiviti pembacaan. Dalam gerak kerja berserampang, selain meningkatkan budaya membaca rakyat Malaysia, MOTAC juga sedang menyusun perancangan berjangka untuk menjadikan Malaysia sebagai salah satu destinasi bibliotourism atau literary tourism yang utama di rantau Asia sempena dengan VM 2020 yang menyasarkan kunjungan 30 juta pelancong asing dengan sasaran perbelanjaan pelancong sebanyak RM100 juta.

Pada tahun ini juga, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) akan melancarkan dua dasar baharu

iaitu Dasar Pelancongan Negara (DPN2030) dan Dasar Kebudayaan Kebangsaan (DKN) untuk memacu sektor pelancongan serta kebudayaan.

Kedua-dua dasar ini berselari dengan matlamat Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 dan akan dilancarkan dalam masa terdekat. Dasar Pelancongan Negara (DPN 2030) akan memberi tumpuan kepada usaha meningkatkan pendapatan negara menggalakkan kerjasama dan pelaburan, memperkasa masyarakat setempat serta mengukuhkan daya tahan industri pelancongan. Manakala Dasar Kebudayaan Kebangsaan (DKN) pula satu gagasan jangka panjang kemakmuran bersama yang akan mengambil kira keterangkuman budaya dari pelbagai etnik di seluruh Malaysia.

## KECEMERLANGAN DAN AMALAN INTEGRITI

Cemerlang itu bukan sekadar diukur dengan tercapainya sasaran kerja tetapi dinilai melalui perkhidmatan yang bersih dan berintegriti. Pegawai yang berintegriti sentiasa berpegang kepada konsep kejujuran dan amanah. Sebagai seorang yang berkhidmat demi rakyat dan Negara, kita perlu menghayati setiap perintah, tugas dan tanggungjawab yang diberikan dalam melaksanakan tugas dengan amanah serta jangan takut untuk berkata benar. Dalam mengecapi kejayaan, kita juga tidak seharusnya gentar dengan cabaran baharu. Sebaiknya, cabaran itu harus dilihat sebagai satu pembelajaran yang dapat memberi impak dan lonjakan ke arah pembangunan sendiri.



Kini dunia telah pun mengorak langkah ke era Revolusi Industri 4.0 dan internet (IoT). Jelas kini, betapa internet semakin mempengaruhi kehidupan seharian, dalam mengakses maklumat, jaringan perhubungan dan komunikasi. Tuntutan rakyat yang mahukan perkhidmatan kerajaan yang cepat dan tangkas serta real-time memerlukan modal insan yang bersifat dinamik, responsif dan cekal.

**“Jangan menunggu; tidak akan pernah ada waktu yang tepat. Mulailah di mana pun anda berada, dan bekerja dengan apa pun yang anda miliki. Peralatan yang lebih baik akan ditemukan ketika anda melangkah”  
- Napoleon Hill**

Oleh yang demikian, kita sebagai penjawat awam perlu turut serta dalam peralihan era digital ke era siber digital ini, dan saya yakin ramai penjawat awam telah pun memiliki setidak-tidaknya, satu telefon pintar (smartphone). Jadi apabila telefon sudah pintar, maka kita sebagai pengguna perlu jugalah menjadi pintar. Gunakanlah kelebihan teknologi media sosial ini secara bijak dan betul.

### PENCAPAIAN TAHUN 2019

1. Peratusan perbelanjaan PNM
2. Aktiviti yang berjaya dilaksanakan
3. Penambahbaikan perkhidmatan
4. Pengurusan kualiti jabatan

Dalam perbelanjaan mengurus sedia ada pada tahun 2019, PNM telah diperuntukkan sebanyak RM46.711 juta dan telah berjaya dibelanjakan sebanyak RM46.607 juta mewakili sebanyak 99.72 % perbelanjaan. Bagi pelaksanaan aktiviti pula, PNM telah berjaya melaksanakan aktiviti yang menarik seperti Malam Baca Puisi Dunia, Festival Sastera Kanak-kanak, Pameran Manuskrip Melayu, Bicara Harvard, Singgah Santai, Pesta Ria, Persidangan Tahunan Perpustakaan Malaysia dan sebagainya. Aktiviti yang telah berjaya dilaksanakan adalah sebanyak 107 aktiviti dengan merekodkan kehadiran sebanyak 217,560 khalayak.

Manakala aktiviti anjuran Perpustakaan Komuniti dan Perpustakaan Desa di bawah seliaan PNM dari seluruh negara adalah sebanyak 46,702 aktiviti dengan melibatkan kehadiran sebanyak 1,328,416 khalayak. Kehadiran pengunjung ke PNM juga turut menunjukkan peningkatan secara umumnya. Ini dapat dilihat kehadiran pengunjung fizikal bagi tahun 2019 adalah sebanyak 457,781 pengunjung berbanding 412,106 pengunjung bagi tahun 2018 yang mewakili kenaikan 9.98 peratus.

Penambahbaikan perkhidmatan PNM kepada pengguna akan dapat direalisasikan menjelang tahun 2021 kerana ruang di Anjung Bestari sedang dinaiktaraf dan terdapatnya tambahan perkhidmatan baharu seperti Bilik Suntingan dan My Digital Maker di Aras 2, Galeri Data dan Pengalaman u-Pustaka di Aras 1. Saya amat berharap perkhidmatan baharu ini akan dapat memberikan impak positif kepada PNM di mata masyarakat.

Pengekalan kualiti amat penting dalam sesebuah organisasi dan PNM telah melaksanakan MS ISO 9001:2015 yang merupakan satu piawaian berdokumen dan bertulis yang menyenaraikan elemen asas yang perlu ada dalam sistem kualiti sesebuah organisasi bagi memastikan perkhidmatan yang diberikan dapat memenuhi kehendak pelanggan dan dijadikan sebagai blueprint untuk penambahbaikan dan meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian PNM.

Memandangkan usaha-usaha ke arah memperolehi sijil MS ISO bukan suatu perkara yang mudah,



maka kakitangan PNM di semua peringkat dan bahagian perlu mempersiapkan diri dan memberikan komitmen yang tidak berbelah bagi terhadap usaha PNM untuk mengekalkan pensijilan ini. Sehubungan itu, mohon kerjasama agar Opportunities for Improvement (OFI) yang ditemui semasa audit dalaman yang telah dijalankan pada 26 hingga 28 November 2019 yang lalu agar diberi perhatian dan diambil langkah-langkah pencegahan serta pengurusan risiko bagi permasalahan ini.

### **HALA TUJU ATAU FOKUS PNM BAGI TAHUN 2020**

Melalui peningkatan infrastruktur PNM dalam Rancangan Malaysia ke-11 telah diluluskan beberapa projek seperti u-Pustaka sebagai Hub Maklumat Negara, Pemusatan Perkhidmatan Perpustakaan PNM dan Pembinaan Perpustakaan Negeri Sabah Cawangan Kinabatangan. PNM akan sentiasa mencari jalan untuk memohon projek-projek baharu kepada kerajaan agar infrastruktur perpustakaan di seluruh negara dapat dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Maka PNM juga telah bersedia dengan permohonan projek-projek baharu seperti Bangunan Baharu Perpustakaan Negeri Sembilan, Projek

Perpustakaan Digital Negara, Projek Pusat Repositori PNM di Bukit Jalil, Projek Pemerksaan ICT di Perpustakaan Desa, Kajian Profil Membaca Rakyat Malaysia dan sebagainya dalam RMK ke-12 yang mengambil kira 5 tahun pelaksanaan.

Kita juga harus meningkatkan perkhidmatan kita kepada pengguna kerana perkhidmatan perpustakaan merupakan core-business PNM dan adalah wajar kita memberi fokus kepada perkhidmatan kita kepada pengguna. Justeru ayuhlah kita sama-sama berganding bahu bekerja sebagai satu pasukan dalam memberikan perkhidmatan yang bermutu dan berkualiti kepada pengguna PNM. InsyaAllah apabila projek pemusatan perkhidmatan PNM ini siap kelak suasana yang lebih ceria dengan suntikan elemen-elemen segar yang diberikan sentuhan oleh jurureka hiasan dalaman akan dapat membangkitkan mood kepada para pengguna PNM.

Kita sedar bahan yang diterima di bawah Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331) makin bertambah dari semasa ke semasa dan kita menghadapi masalah kekurangan ruang bagi menyimpan semua khazanah intelek negara ini. Melalui fokus

kita untuk mendukung dan memperkasakan pelaksanaan Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331) ini, maka PNM akan mengemukakan permohonan bagi pembinaan sebuah bangunan baharu yang dibina khusus bagi tujuan ini. PNM juga akan mempertingkatkan penyimpanan bahan digital yang diterbitkan di dalam Negara melalui sistem depositori yang akan dibangunkan dalam tahun ini juga.

Melalui sistem ini, Koleksi Negara bukan sahaja lagi dalam format bahan fizikal tetapi juga bahan born digital yang telah mendominasi industri penerbitan negara. Kita amat berharap agar permohonan kita untuk pembinaan bangunan baharu ini diluluskan oleh pihak EPU agar permasalahan kekangan ruang penyimpanan bahan akan dapat ditangani dengan lebih baik.

Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Tahun Baru 2020 kepada semua warga PNM, dan selamat bekerja dengan azam yang baharu untuk meningkatkan mutu kerja kita semua. Saya menyeru supaya kita bersama-sama menggembeng tenaga, usaha dan idea untuk melakar pembaharuan yang dihasratkan oleh kerajaan umumnya.



### **URUS SETIA**

Sub-Aktiviti Pembangunan Koleksi (PK) dan Bahagian Teknologi Maklumat (BTM)

# SAMBUTAN TAHUN BARU AMBANG 2020



## SAMBUTAN BESAR-BESARAN

Ambang 2020@Kuala Lumpur telah berlangsung pada 31 disember 2019 hingga detik hitungan memasuki tahun baru 2020 merupakan program perdana anjuran Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya dan Kementerian Komunikasi dan Multimedia serta Kementerian Wilayah Persekutuan.

Sambutan besar-besaran menjelang 2020 diwarnai dengan beberapa komponen acara Perasmian Majlis Rumah Terbuka Malaysia Krismas 2019, pelancaran video Kempen Nilai-nilai Murni, Konsert #KitaPunya2Puluh2Puluh, Perasmian Perdana Ambang 2020 & Melawat Malaysia 2020.

Kira-kira 80,000 pengunjung terpukau menyaksikan gemerlapan 300 drone membentuk 11 formasi keunikan dan kebudayaan Malaysia di angkasa. Pertunjukan cahaya di langit berdurasi 10 minit merupakan signifikasi pelancaran Tahun Melawat Malaysia 2020 yang kemudiannya disusuli dengan persembahan percikan bunga api.

### MISI NASIONAL:

TAHUN MELAWAT MALAYSIA  
2020





## PENGLIBATAN PNM

PNM dibawah seliaan Pengarah Korporat, Puan Fadhillah Aini dan Timbalan Pengarah Kanan, Encik Faizal Hilmie selaku penyelaras petugas jamuan terlibat dalam penyediaan dan mengedarkan goodies Ambang2020 kepada khalayak ramai. Agihan goodies tersebut bermula dari petang sehingga acara kemuncak detik hitungan kepada ribuan Selamat Tahun Baru 2020 diucapkan kepada warga kerja PNM!



Tahun Melawat Malaysia 2020 sebagai misi nasional memerlukan rakyat untuk memanfaatkan industri pelancongan ujar Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr Mahathir Mohamad pada pelancaran kempen perdana tersebut. Tahun Melawat Malaysia 2020 menjadi pemangkin untuk mencapai sasaran-sasaran yang ditetapkan bawah Pelan Transformasi Pelancongan Malaysia yang menyasarkan 30 juta pelancong antarabangsa.

Turut hadir, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd Ali; Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail serta Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Datuk Mohammadin Ketapi.

Konsert #KitaPunya2Puluh2Puluh melakar sejarah dalam Malaysia Book of Records dengan mempersembahkan 30 kumpulan muzik bermain serentak di atas pentas sepanjang 180 kaki yang ditandatangani Ketua Setia Usaha Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia, YBhg. Dato' Suriani Dato' Ahmad. Persembahan selebriti yang memeriahkankan konsert tersebut antaranya Kugiran MASDO, Paladin, Datuk Jeffrydin, Fuying & Sam, Hujan, Sarah Suhaimi serta penampilan istimewa penyanyi Korea Selatan, Han Byul.





# JOM baca bersama untuk

# 10



## HARI BUKU DAN HAKCIPTA SEDUNIA

*Dirasmikan oleh YB Menteri  
Pelancongan, Seni dan Budaya*

## Medium digital peringkat Kebangsaan

Inisiatif atas talian • Live di Facebook PNM

Detik yang ditunggu telah tiba, 23 April 2020 bersempena sambutan Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia dalam hasrat menjadikan Malaysia negara pembaca sebagai suatu realiti. Jom Baca Bersama 10 Minit adalah antara program utama Perpustakaan Negara Malaysia sejak 2015. Program ini adalah inisiatif Majlis Pengarah-Pengarah Perpustakaan Awam Se-Malaysia (MPAM) dan diangkat PNM sebagai program galakan membaca peringkat kebangsaan. Program yang diinspirasikan dari konsep 'earth hour' ini melibatkan pembaca dari seluruh Malaysia membaca serentak selama 10 minit bermula dari jam 11.00 pagi hingga 11.10 pagi simbolik komitmen semua pihak akan kepentingan membaca dalam kehidupan.





## Cabaran penularan wabak koronavirus (COVID-19)

### Perintah Kawalan Pergerakan

Berbeza dengan sebelum ini, program Jom Baca Bersama kali ini berlangsung menerusi medium digital dalam talian peringkat kebangsaan secara live di Facebook Perpustakaan Negara Malaysia bermula jam 10.30 pagi dan berhenti seketika untuk membaca bersama serentak pada jam 11.00 pagi. Meskipun seluruh dunia sedang berdepan dengan penularan wabak koronavirus (COVID-19), program berlangsung dan dijayakan secara maya serentak seluruh Malaysia dan sambutan diterima sangat menggalakkan. Perintah Kawalan Pergerakan memberi pendekatan dan pengalaman berbeza, Jom Baca Bersama 10 Minit kali ini disambut bersama ahli keluarga di rumah berupaya menggerak minda bersama anak-anak dan keluarga tersayang. Sebagai tanda sokongan, peserta berpeluang berkongsi gambar dan video aktiviti membaca di rumah dengan memuat naik di media sosial dan meletakkan tanda pagar berikut:

**#jombacabersama2020**  
**#klbaca2020,**  
**#klwbc2020**  
**#bangsamembacabangsaberkarya**  
**#malysiamembaca**  
**#dudukrumahbacabuku**  
**#bacadirumah**

Parents get most of the information about the kids' schedule and activities from your newsletter, so make it short and sweet as they usually get overwhelmed by lengthy ones. Remember to put the most important details, like a calendar of upcoming school events, on the front page where they can't be missed. You can devote a space for some of the kids' major milestones and achievements, as well as the highlights of what they learned in the past month.

It would also be a good idea to encourage the parents to get involved and contribute to the newsletter. If they discovered some useful





## MAJLIS PENYAMPAIAN SUMBANGAN AKAUN SSPN-I DAN PERASMIAN PUSAT SUMBER POLIS KUALA LUMPUR

Kuala Lumpur- Perasmian Pusat Sumber Polis Kuala Lumpur telah disempurnakan oleh Ketua Polis Kuala Lumpur, YDH CD Datuk Seri Hj Mazlan Lazim yang diadakan di Foyer A, Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kuala Lumpur pada 7 Januari yang lalu.

Penubuhan Pusat Sumber Polis Kuala Lumpur bertujuan memberi galakan tabiat membaca dalam kalangan warga polis KL.

“Tabiat membaca akan memberikan ilmu pengetahuan dalam usaha melahirkan warga polis yang berpengetahuan selari dengan konsep 5B yang diperkenalkan iaitu berketerampilan, berimej, berintegriti, bertenaga dan berpengetahuan” ujarinya.

Selesai ucapan, YDH Ketua Polis Kuala Lumpur menyampaikan Sumbangan Akaun SSPN-I kepada 150 orang anak-anak warga polis Kuala Lumpur. Beliau kemudiannya menyampaikan cenderahati kepada penyumbang-penyumbang buku pusat sumber



## CABARAN APRON KUNING BERSAMA TPM

YAB Timbalan Perdana Menteri, YAB Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail menyantuni kanak-kanak Taska Parlimen pada 7 Februari yang lalu. “Sang Harimau menangkap mangsanya dengan cengkaman yang kuat dan hendak memakan tikus tersebut” katanya sewaktu mengadakan sesi bercerita sambil memakai apron kuning sebagai sokongan kepada cabaran 100 hari.



“

### *Syabas kepada Perpustakaan Parlimen*

Cabaran ini menghendaki negara-negara terlibat membacakan buku kepada kanak-kanak dengan memakai apron berwarna kuning yang mempunyai logo 'Asean Rok Is Reading : Read Me A Book'.

Saksikan rakaman Cabaran Apron Kuning Bersama TPM dengan mengimbas kod QR berikut.





## APRON KUNING : SUKARELAWAN UPNM

Dalam usaha menyahut cabaran 100 hari Apron Kuning "Read Me a Book", sukarelawan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) telah mengadakan sesi bercerita kepada pengunjung-pengunjung cilik Perpustakaan Negara Malaysia. Terima kasih sukarelawan UPNM!



## PENGGAMBARAN PROGRAM KAPSUL MOTIVASI INSPIRASI

Kumpulan produksi Program Kapsul Motivasi Inspirasi bersama selebriti PU Yeop telah membuat sesi penggambaran pada 6 Februari 2020 di Perpustakaan Negara. Lokasi penggambaran terlibat antaranya Samsung Smart Library, Perpustakaan Kanak-kanak dan Koleksi Nadir. Terima kasih RTM memilih PNM sebagai lokasi penggambaran.



## APRON KUNING: PD PADANG POLIS

Keunikan wayang kulit dalam penceritaan menarik minat membaca dalam menyampaikan cerita teladan dan khayalan. PD Padang Polis telah menyahut cabaran apron kuning 100 hari dengan menengetengahkan sesi bercerita melalui wayang kulit yang terkenal di Pantai Timur. Jom sama-sama kita membudayakan membaca dalam kalangan masyarakat kita!





# MRTM TAHUN BARU BAHARU CINA 2020

## Tahun Tikus Logam

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya dengan kerjasama Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengadakan sambutan gilang gemilang Majlis Rumah Terbuka Malaysia (MRTM) Tahun Baharu Cina 2020 pada 15 Februari 2020 di Padang Kota Lama, Pulau Pinang.

YAB Timbalan Perdana Menteri, YAB Datuk Seri Wan Azizah Wan Ismail diiringi Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, YB Datuk Mohamaddin Ketapi dan Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, YB Tuan Muhammad Bakhtiar Wan Chik telah menyempurnakan pelancaran MRTM Tahun Baharu Cina 2020 dengan menggaul Yee Sang simbolik menandakan episode tahun baharu dalam kalendar zodiac masyarakat Cina.

Pengisian aktiviti MRTM Tahun Baharu Cina 2020 antaranya pesta makanan tempatan ala Food Truck Penang, demonstrasi masakan dan penyediaan kuih kapit, kuih bangkit cina, kuih bakul dan bahu serta penyediaan makanan khas tradisional Tahun Baharu Cina iaitu Yee Sang.

Ribuan warga Pulau Pinang tidak melepaskan peluang bagi sama-sama meraikan sambutan MRTM kali ini. Pengunjung turut dihiburkan dengan pelbagai persembahan kebudayaan masyarakat Cina, tarian singa dan naga serta persembahan nyanyian artis tempatan.

Penglibatan petugas PNM dibawah seliaan Pengarah Korporat, Puan Fadhillah Aini dan Timbalan Pengarah Bahagian Komunikasi Korporat, Encik Charles Brillee serta kekuatan seramai 17 orang bertugas selaku Jawatankuasa Jamuan VIP dan Khalayak dalam memastikan kelancaran agihan makanan semasa majlis berlangsung.





# KUNJUNGAN HORMAT: YBHG. PROFESSOR EMERITUS DATUK DR. ZAINAL KLING

PENYANDANG KURSI INSTITUSI RAJA-RAJA MELAYU (KIRRM)



Setar kunjungan YBhg. Profesor Emeritus Datuk Dr. Zainal Kling, Penyandang Kursi Institusi Raja-Raja Melayu (KIRRM) kepada YBrs. Puan Maizan binti Ismail, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia hari ini.

YBhg. Prof. Emeritus Datuk turut dibawa melawat ke Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu dan Bahagian Kandungan Digital sempena kunjungan ini.

Turut bersama dalam kunjungan ini adalah:

1. Wan Ahmad Rahiman Wan Abd Rahim, Timbalan Pendaftar KIRRM
2. Prof. Madya Dr Rohayu Ab Majid, Felow KIRRM
3. Prof. Madya Dr Ismarani Ismail, Felow KIRRM
4. Mohd Nazrul Mohd Amin, Felow KIRRM







# LIBRARY ATTACK

# SEKOLAH KEBANGSAAN JALAN BELLAMY

Kali ini Library Attack Perpustakaan Negara Malaysia telah menggegarkan Sekolah Kebangsaan Jalan Bellamy, Kuala Lumpur pada 24 Februari 2020. Keterujaan dan sambutan menggalakkan daripada pengisian aktiviti yang dibawakan antaranya Read Me a Book, Give and Take, Demnstrasi Buku Augmented Reality, Seronoknya Jawi,pendaftaran keahlian PNM & u-Pustaka dan demonstrasi penjilidan buku.

Jutaan terima kasih diucapkan dan diharapkan kunjungan ini menyemarakkan budaya membaca dan celik ilmu dalam kalangan guru dan pelajar sekolah ini.





# GALERI DATA & SUDUT PENGALAMAN U-PUSTAKA



## PENGALAMAN FUTURISTIK

Terokai pengalaman baharu menggunakan perkhidmatan u-Pustaka yang sangat mengujakan. Perpustakaan Negara Malaysia membawakan anda kemudahan baharu kepada semua pengguna secara percuma.

Galeri Data & Sudut Pengalaman U-Pustaka diwujudkan dengan kerjasama Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia dan mula dibuka pada 18 Februari 2020 yang lalu.

Pengguna boleh merasai pengalaman jelajah u-Pustaka melalui panel TV, tab, T Projektor dan jangan lepaskan peluang untuk merasai permainan reality maya (virtual reality) yang pastinya memberikan pengalaman tidak dapat dilupakan. Perpustakaan Negara Malaysia menggalakkan semua untuk datang beramai-ramai dan rasai pengalaman futuristik!

Jangan lupa swafoto dan kongsikan keterujaan anda!



## TAHNIAH TKSU PENGURUSAN MOTAC


Perpustakaan Negara Malaysia mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada YBrs. Encik Norazman bin Othman diatas perlantikan sebagai Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MoTAC) berkuatkuasa, 26 Februari 2020 (Rabu).

Perjalanan karier beliau sebelum ini berkhidmat sebagai Pengurus Besar, Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA), Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB)

#visitmalaysia2020 #mymotac



# PESTA BUKU & KARNIVAL PEMBACA PERLIS 2020



## PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI PERLIS

Kangar – Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis menjayakan Pesta Buku dan Karnival Pembaca Perlis 2020 pada 25 Februari 2020 hingga 1 Mac 2020 di perkarangan Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis.

Majlis Perasmian Pesta Buku & Karnival Pembaca Perlis 2020 telah disempurnakan oleh Raja Muda Perlis, DYTM Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail yang berlangsung di Auditorium Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis pada 28 Februari 2020. Turut mengiringi baginda ialah Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil.



# RAJA MUDA PERLIS & RAJA PUAN MUDA PERLIS

Keberangkatan tiba baginda berdua disambut oleh Pengarah Prasarana Ilmu dan Maklumat Perpustakaan Negara Malaysia, Encik Abd Rahman Sudin yang mewakili Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia dan Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis, Encik Azizi Janan.

Dalam titah ucapan sempena perasmian tersebut, Tuanku Raja Muda Perlis gembira dengan program menggalakkan rakyat memvariasikan budaya membaca dan seterusnya memperkasa jati diri dalam era dunia tanpa sempadan hari ini.

Menurut baginda lagi, kaedah promosi memainkan peranan penting dalam mempromosikan perkhidmatan melalui media massa atau meningkatkan social engagement masyarakat dengan jabatan. Kesannya, penambahan bilangan pengunjung, peningkatan hasil jabatan dan maklum balas yang baik.



## RERUAI PNM

Tuanku Raja Muda juga menyeru pihak Perpustakaan supaya mengekalkan momentum, proaktif serta kreatif dalam usaha menarik minat pengunjung ke perpustakaan. "Saya berharap program-program pembudayaan membaca turut dijenamakan semula supaya lebih "catchy" dalam menarik pengunjung".

Dari KL ke Perlis, Perpustakaan Negara Malaysia membawakan khas Pameran Tradisi Ilmu & Teknologi: Keris dan Senjata dalam Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia beserta koleksi manuskrip-manuskrip Melayu dan buku terbitan PNM untuk warga Perlis. Pesta buku ini membawakan pengunjung dengan pelbagai reruai, pempamer, jualan buku dan rebat potongan harga istimewa sehingga 80% serta pelbagai aktiviti sampingan.



# MAJLIS PELANCARAN BUKU SIRI PERANSANG MINDA



Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia, YBrs. Puan Maizan Ismail telah menyempurnakan majlis pelancaran Buku Siri Peransang Minda oleh Dr. Farhan Hadi pada 26 february 2020 di Anjung Bestari, Perpustakaan Negara Malaysia.

**DR. FARHAN HADI**

# KUNJUNGAN HORMAT SASTERAWAN NEGARA : KEMALA

